



# KEMENTERIAN DALAM NEGERI

## KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada Kontraktor-Kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan SPKK atau PUKONSA atau UPKJ dalam gred, kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut :-

NO TENDER	TAJUK TENDER	Taraf/ Jenis Syarikat*	Gred, Kategori & Pengkhususan/ Kelas, Tajuk & Tajuk Kecil/Kelas, Kepala & Sub- Kepala	Tempat Dan Tarikh Dokumen Mula Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh Dan Waktu Tender Tutup
KDN/PB/T/04/2023	Kerja-Kerja Pembaikan Pejabat Institut Keselamatan Awam Malaysia (IPSOM) dan Perpustakaan KDN Serta Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan Di Aras 2, Blok D6, Kompleks D, Kementerian Dalam Negeri	Bumiputera T1	Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) seperti berikut: i) Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB); Gred : G5 Kategori : B Pengkhususan: <b>B28 (WAJIB BAGI SEMUA KONTRAKTOR)</b> Dan ii) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) Atau iii) Unit Pendaftaran Kontraktor Negeri Sarawak (UPKJ); Class A/B Head II Sub- 5(a) Atau iv) Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA): Class B, Head II Sub-head 8(b), Head VII Sub-head 1 Dan v) Sijil Taraf Bumiputera (STB) <b>(WAJIB BAGI SEMUA KONTRAKTOR)</b>	Bahagian Pembangunan, Kementerian Dalam Negeri, Aras 2, Setia Perkasa 1, Kompleks Setia Perkasa, Pusat Pentadbiran Kerajaan, 62546 Putrajaya  8 November 2023 (Rabu) Hingga 22 November 2023 (Rabu)	RM100.00 (Tidak akan Dikembalikan)  Akauntan Negara Malaysia  Dalam Bentuk Draf Bank atau Kiriman Wang Sahaja  (Bayaran Dalam Bentuk Tunai atau Wang Pos Tidak Diterima)	Peti Tender, Bahagian Pembangunan, Kementerian Dalam Negeri, Aras 2, Setia Perkasa 1, Kompleks Setia Perkasa, Pusat Pentadbiran Kerajaan, 62546 Putrajaya  29 November 2023 (Rabu)  Sebelum atau pada Jam 12.00 Tengah Hari

Taklimat projek dan lawatan tapak adalah **diwajibkan**. Berkumpul di **Pejabat Institut Keselamatan Awam Malaysia (IPSOM), Aras 2, Setia Perkasa 6, Kompleks Setia Perkasa, Pusat Pentadbiran Kerajaan, 62546, Putrajaya** pada **8 November 2023 (Rabu)** jam 9.00 – 10.00 Pagi (Sebarang kelewatan tidak diterima)

Bagi sesi taklimat tender dan lawatan tapak yang **diwajibkan**, hanya penama yang tercatat dalam Sijil PPK dan SPKK atau PUKONSA atau UPKJ yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak dan sesi taklimat berkenaan. Kontraktor/syarikat **tidak boleh** mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam PPK dan SPKK atau PUKONSA atau UPKJ.

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperolehi di pejabat berkenaan semasa waktu pejabat.

Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank/kiriman wang di atas nama **Akauntan Negara Malaysia**. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil kontraktor dikehendaki membawa perakuan/sijil **ASAL** Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta Sijil Taraf Bumiputera yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Usahawan beserta satu salinan sijil-sijil tersebut. Bagi Kontraktor yang berdaftar dengan PUKONSA atau UPKJ, wakil kontraktor dikehendaki membawa perakuan/ **PUKONSA** / **UPKJ** dan Sijil Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Pendaftaran PUKONSA atau UPKJ dan Sijil Taraf Bumiputera.

**AHMAD FUAD BIN APANDI**  
Setiausaha Bahagian Pembangunan  
Kementerian Dalam Negeri  
Malaysia

\* Jenis Syarikat Tempatan : T1 - Syarikat yang 100% milik tempatan

A1 - Syarikat 100% milik tempatan **ATAU** syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 30% dan ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja adalah 100% warganegara.

A2 - Syarikat 100% milik tempatan **ATAU** syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL **ATAU** Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.